



DR KWAN ZHENLI

CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

SELEPAS BIOPSI KULIT ANDA

Ubat tahan sakit untuk melegakan sebarang kesakitan atau ketidakselesaan

Kesan ubat bius tempatan akan mula reda kira-kira 1-2 jam selepas prosedur biopsi kulit anda.

Jika anda mengalami sebarang ketidakselesaan akibat luka anda, sila ambil ubat penahan sakit seperti paracetamol. Sila ikut arahan yang diberikan dan jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan.

Jika anda tidak pasti sama ada ubat penahan sakit akan bertindak balas dengan mana-mana ubat anda yang lain ataupun anda mempunyai sebarang alahan terhadap ubat, sila berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

Cara menjaga luka anda

Pastikan pembalut sentiasa kering selama 24 hingga 48 jam pertama selepas biopsi, berdasarkan arahan jururawat. Selepas jangka masa ini, pembalut boleh dibuka dan seterusnya luka dibasuh dengan sabun dan air (ataupun syampu jika luka berada di kulit kepala). Basuh luka tersebut semasa mandi atau dengan menyimbah kawasan yang dirawat dengan air sabun yang suam. Pembalut mungkin lebih mudah ditanggalkan jika anda membasahkannya terlebih dahulu. Air yang mengalir akan membantu menghilangkan sebarang kudis yang telah terbentuk. Lap keringkan luka anda dengan perlahan-lahan. Jangan gosoknya dengan kasar.

Sapukan lapisan salap 'chloramphenicol ointment' yang nipis pada luka atau jahitan anda dengan tangan yang bersih seperti yang diarahkan. Anda juga boleh menggunakan putik kapas jika perlu. Ini akan membantu untuk memastikan kawasan itu bersih dan lembap dan akan menghalang kudis daripada terbentuk. Lekatkan pembalut kalis air (bukan kain) terus ke atas luka.

Ulangi rutin ini dua kali sehari sehingga jahitan dibuka. Jika tiada jahitan, sila menukar pembalut dua kali sehari sehingga luka sembuh sepenuhnya.

The information provided in this document is intended as an resource only and should not be used as a substitute for professional diagnosis and treatment. Please consult your health care provider before making any health care decisions or for guidance about a specific medical condition.



DR KWAN ZHENLI

CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

SELEPAS BIOPSI KULIT ANDA

Jahitan yang boleh larut

Teruskan memeriksa luka setiap hari sehingga jahitan larut. Ini boleh mengambil masa 7 hingga 21 hari. Jika anda mengalami sebarang ketidakselesaan, anda boleh berunding dengan pakar dermatologi, pengamal perubatan am atau jururawat untuk memeriksa luka dan membuka jahitan.

Jahitan tidak boleh larut

Bergantung kepada kawasan pembedahan, jahitan biasanya akan dibuka antara 5 hingga 14 hari selepas pembedahan oleh jururawat atau doktor di klinik am yang berdekatan. Sila pastikan anda membuat temu janji untuk membuka jahitan pada tarikh yang ditetapkan dengan menggunakan surat yang disediakan.

Kesan sampingan

Luka anda mungkin akan menjadi sedikit merah dan sakit jika disentuh untuk beberapa hari pertama selepas pembedahan.

Jangkitan

Sila hubungi pakar dermatologi atau pengamal perubatan am anda jika:

- luka menjadi sangat sakit
- luka terasa panas apabila disentuh
- kawasan tersebut merah dan bengkak

Anda mungkin memerlukan antibiotik untuk jangkitan kuman.

The information provided in this document is intended as an resource only and should not be used as a substitute for professional diagnosis and treatment. Please consult your health care provider before making any health care decisions or for guidance about a specific medical condition.



DR KWAN ZHENLI
CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

SELEPAS BIOPSI KULIT ANDA

Lebam

Ini adalah perkara yang lumrah berlaku, terutamanya jika kawasan biopsi anda dekat dengan mata anda. Kesan lebam ini boleh berlarutan sehingga 2 minggu.

Untuk membantu mengurangkan kesan lebam dan bengkak, anda boleh menggunakan kompresi sejuk di atas pembalut. Gunakan pek ais (atau pek sayur beku) dan letakkan pada tapak biopsi selama 10 hingga 15 minit, beberapa kali sehari dalam 24 hingga 48 jam pertama.

Jangan sekali-kali letakkan pek ais tersebut terus pada kulit anda. Sentiasa balut dengan tuala bersih terlebih dahulu.

Pendarahan

Luka anda tidak sepatutnya berdarah. Jika ini berlaku, jangan panik. Tekankan tapak biopsi dengan menekan pembalut dengan kuat selama 20-30 minit. Sekiranya pendarahan masih tidak terkawal, anda disarankan terus ke Jabatan Kecemasan.

Merokok

Cuba elakkan merokok selama 2 minggu pertama selepas pembedahan anda. Merokok boleh melambatkan penyembuhan luka, meningkatkan risiko jangkitan dan boleh menyebabkan parut yang lebih ketara.

The information provided in this document is intended as an resource only and should not be used as a substitute for professional diagnosis and treatment. Please consult your health care provider before making any health care decisions or for guidance about a specific medical condition.